

# **APLIKASI *E-NOVEL* DALAM PENGAJARAN BAHASA ARAB SECARA DALAM TALIAN**

Noor Shamshinar Zakaria, Nor Azhan Norul'Azmi

Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor,  
Selangor.

## **Pengenalan**

Pandemik COVID-19 telah mencetuskan satu fenomena baharu dalam dunia pendidikan hari ini, iaitu aktiviti pengajaran dan pembelajaran (PdP) secara bersemuka dalam kelas telah digantikan dengan PdP secara dalam talian (New Straits Times, 2020). Guru tidak lagi menyampaikan pelajaran kepada pelajar secara langsung dalam bilik darjah malah pelaksanaannya dilakukan secara maya. Pelbagai cadangan dan saranan telah dimajukan kepada guru-guru untuk menjadikan PdP secara dalam talian ini lebih menarik dan berkesan dengan mengaplikasikan pelbagai kaedah pengajaran yang memberikan impak terhadap keberkesanan PdP tersebut. Menurut Nor Hamiza Mohd Ghani, Mohd Khairi Ismail dan Sholehah Abdullah (2021), penggunaan teknologi komunikasi secara dalam talian untuk proses PdP telah menjadi fenomena di seluruh dunia setelah tercetusnya pandemik COVID-19. Sebagai contoh, aplikasi multimedia dalam PdP yang mengintegrasikan teks, imej, kesan bunyi, audio, muzik, animasi, video serta perisian komputer yang interaktif berfungsi untuk membantu guru melaksanakan PdP dengan berkesan dan menggalakkan pelajar aktif dalam aktiviti pembelajaran.

Walaupun demikian, aplikasi teknologi dalam PdP tidak semestinya membawa kepada keberkesanan yang optimum seandainya guru tidak mempunyai kompetensi kemahiran dan pengetahuan tentang kaedah dan strategi pengajaran yang baik. Bagi Mahnun N (2012), penggunaan media atau aplikasi teknologi yang lemah menyebabkan pembelajaran pelajar tidak lancar. Hal ini sudah pasti memberi cabaran yang hebat kepada guru apabila mengendalikan PdP secara dalam talian sekiranya guru tidak mempunyai kemahiran terhadap aplikasi teknologi dan elemen komunikasi yang tepat untuk membolehkan seseorang guru menyalurkan ilmu kepada pelajar dengan berkesan.

Untuk menjayakan PdP secara dalam talian, guru perlu terlebih dahulu merancang pengajaran dan mengetahui tujuan mengaplikasikan sesuatu medium teknologi. Setiap medium yang digunakan mestilah memenuhi kriteria, tahap dan keperluan pelajar kerana faktor-faktor ini akan mempengaruhi minat pelajar untuk mengikuti pembelajaran secara berterusan. Guru perlu memastikan medium teknologi yang digunakan berfungsi dengan baik dan sesuai bagi membantu pelajar dalam memahami pembelajaran untuk mencapai keputusan yang cemerlang (Nor Hamiza Mohd Ghani et al, 2021), di samping guru sendiri berperanan menyampaikan ilmu melalui medium tersebut dengan berkesan. Bagi Nor Azhan dan Noor Shamshinar (2018), sekiranya guru perlu mempunyai kemahiran berkomunikasi ketika melaksanakan pengajaran secara bersemuka, guru juga perlu melakukan perkara yang sama ketika pengajaran secara dalam talian. Hal yang demikian kerana pelajar akan menunjukkan sikap yang positif sekiranya pengajaran yang

disampaikan oleh guru menepati minat dan memberi kefahaman kepada mereka. Sebaliknya, pelajar akan menunjukkan respon yang negatif sekiranya pengajaran guru kurang menarik dan membosankan.

Justeru, PdP secara dalam talian memerlukan kesediaan guru terhadap pengetahuan mengenai aplikasi teknologi dan kemahiran komunikasi yang efektif sepanjang pelaksanaan PdP. Kemahiran komunikasi penting dan perlu seiring dengan aplikasi teknologi semasa PdP kerana komunikasi berfungsi sebagai motivasi, penyampaian informasi, bahan diskusi, sosialisasi dan pengungkapan emosi serta hiburan. Menurut Thulasimani Munohsamy (2014), integrasi antara teknologi maklumat dan komunikasi dalam PdP dapat menghasilkan pelajar yang lebih berpengetahuan dan juga dapat mewujudkan proses pembelajaran yang lebih menarik. Bagi merealisasikan keberkesanan PdP secara dalam talian, para guru disaran untuk mempunyai persediaan, kemahiran dan strategi yang mantap bagi memastikan kurikulum pelajaran dapat disampaikan dengan baik dan matlamat pendidikan dapat dicapai. Aplikasi teknologi dan amalan komunikasi merupakan kaedah dan strategi PdP yang mampu menghasilkan PdP yang berkesan dan membantu guru untuk merealisasikan hasil pembelajaran yang dikehendaki.

## **Pengajaran dan Pembelajaran Secara Dalam Talian**

PdP secara dalam talian dan penggunaan aplikasi teknologi merupakan satu keperluan sepanjang pandemik COVID-19 ini. Guru hanya melaksanakan tugas mengajar di rumah manakala pelajar juga menjalani pembelajaran di rumah atau di mana sahaja mengikut kesesuaian tempat untuk pelaksanaan PdP. Menurut Kementerian Pendidikan Malaysia (2020), istilah baharu PdPR yang diguna pakai pada hari ini merujuk kepada PdP yang dilaksanakan di rumah atau pusat komuniti atau di mana-mana lokasi yang bersesuaian. PdPR boleh dilaksanakan dalam talian dan/atau luar talian dan/atau *off-site* dengan berstruktur dan terancang. Objektif PdPR pula ialah berperanan sebagai panduan kepada guru untuk melaksanakan PdPR secara berstruktur serta terancang dan murid dapat mengikut PdPR secara optimum. Terdapat pelbagai medium teknologi pendidikan yang boleh digunakan oleh guru untuk melaksanakan tugas pengajaran seperti aplikasi DELIMA, Cikgootube dan aplikasi media sosial, WhatsApp dan Telegram, Google Meet atau Microsoft Teams (live streaming), ePermainan (gamification), video, klip audio, eBuku, rakaman video, dan tugas dalam talian.

Antara medium yang sering kali dilaksanakan oleh guru ialah memuat turun bahan pengajaran melalui *Google Classroom* bagi memudahkan pelajar merujuk aktiviti pembelajaran dan latihan yang diberikan oleh guru. Aplikasi ini memudahkan guru dan pelajar kerana penggunaannya lebih sistematik dengan cara mengakses maklumat pelaksanaan PdPR melalui akaun Portal DELIMA KPM (KPM, 2020). DELIMA merupakan singkatan kepada *Digital Educational Learning Initiative Malaysia* dan merupakan platform tunggal yang menyediakan perkhidmatan sistem pengurusan pembelajaran serta sumber-sumber pembelajaran yang boleh digunakan oleh para pelajar. Ia boleh diakses menggunakan akaun Google sedia ada, iaitu guru dan pelajar boleh mengakses platform DELIMA menggunakan e-mel MOE Digital Learning (DL) yang telah dibekalkan oleh penyelararas Komunikasi dan Teknologi Maklumat (KTM) di sekolah sebelum ini. Para guru dan pelajar hanya perlu mengikut langkah-langkah yang disediakan untuk masuk (*login*) ke laman web tersebut. Setelah berjaya *login*, guru dan pelajar boleh memilih Menu PELAJAR,

GURU atau SEKOLAH seterusnya dapat melihat beberapa paparan dengan pelbagai fungsi untuk kegunaan PdPR yang boleh dimanfaatkan dengan sebaiknya (sumber KPM, 2020).

Berdasarkan pelbagai aplikasi teknologi yang disediakan untuk kemudahan dan kelancaran PdPR, beberapa aspek perlu dipertimbangkan supaya kandungan pelajaran dapat disampaikan dengan baik khususnya keperluan pelajar dari aspek capaian internet, penggunaan peranti dan pembelajaran secara *real time*. Bagi Wiflihani (2021), proses PdP merupakan suatu sistem yang mencakupi pelbagai komponen yang saling membantu dan bekerjasama untuk mencapai tujuan pembelajaran. Komponen tersebut bertujuan memudahkan proses PdP di mana setiap komponen mempunyai peranan yang tersendiri seperti interaksi guru dengan pelajar, bahan pengajaran, kaedah dan strategi PdP, bahan bantu mengajar dan penilaian. Apabila PdP dilaksanakan secara dalam talian, maka komponen-komponen yang sama seharusnya dilaksanakan dalam proses PdP bagi mencapai hasil pembelajaran dan matlamat pendidikan.

### **Elemen Bukan Lisan (*E-Novel*)**

Aplikasi teknologi dalam PdP secara dalam talian memberi peluang untuk guru berkomunikasi dengan pelajar dengan cara yang berbeza seperti yang pernah dilakukan sebelum ini. Guru perlu mengenal pasti elemen komunikasi yang sesuai dan memilih strategi komunikasi yang mampu menarik minat, motivasi dan pencapaian akademik pelajar. Menurut Nordin Halias (2016), amalan komunikasi mempunyai dua bentuk iaitu komunikasi lisan (KL) dan bukan lisan (KBL). Gandingan dua kemahiran komunikasi ini akan menjadikan PdP lebih berkesan jika kedua-duanya digabungkan bersama. Penyampaian pengajaran tidak akan sempurna sekiranya guru hanya bergantung kepada KL sahaja kerana elemen KBL lebih berkesan dalam memberi maksud yang lebih jelas daripada ungkapan perkataan, menarik perhatian dan menambah kefahaman.

Apabila pelaksanaan PdP dilaksanakan secara dalam talian, kemahiran komunikasi juga perlu dilaksanakan dengan baik walaupun secara maya kerana proses PdP melibatkan interaksi antara guru dan pelajar. Mohd Sahandri Hamzah, Ramli Basri dan Shaffe Mohd Daud (2011) telah menyatakan bahawa pengetahuan yang lengkap dalam aspek komunikasi menjadi aspek penting dalam proses PdP bagi memastikan penyampaian ilmu yang berkesan kepada pelajar. Oleh yang demikian, amalan komunikasi merupakan strategi pengajaran yang mampu menghasilkan PdP yang berkesan dan membantu guru untuk merealisasikan hasil pembelajaran yang dikehendaki. Elemen-elemen yang terdapat dalam KBL seperti intonasi dan nada suara, ekspresi wajah, senyuman, hubungan mata dan pergerakan anggota badan (Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub & Azlinda Boheran Nudin, 2020) merupakan elemen yang dapat membantu guru untuk menghasilkan PdP yang berkesan. Bagi menyesuaikan elemen bukan lisan ini dalam PdP secara dalam talian, maka penggunaan istilah *E-Novel* diperkenalkan supaya aplikasi ini selari dengan tujuan dan matlamat PdP secara dalam talian ini.

*E-Novel* adalah singkatan untuk *Element of Non Verbal* yang merujuk kepada maksud elemen bukan lisan yang diaplikasikan dalam komunikasi guru ketika berinteraksi dengan pelajar. Penggunaan “E” bukan sahaja menunjukkan perkataan “elemen” malah juga merujuk kepada perkataan *Electronic* yang membawa maksud PdP yang dilaksanakan secara dalam talian seperti penggunaan *E-learning*, *E-mail* dan lain-lain. Bagi penggunaan kata *Novel*, ia bukan sahaja

bermaksud *Non Verbal* atau bukan lisan malah penggunaan perkataan *Novel* ini merupakan simbolik untuk elemen KBL kerana penggunaannya dalam PdP dapat membangkitkan semangat, minat, keseronokan dan penghayatan sepertimana seseorang yang sedang membaca sebuah novel. Ringkasnya, aplikasi *E-Novels* dalam PdP secara dalam talian berperanan sebagai satu usaha yang dinamik untuk meningkatkan kompetensi pengetahuan, kemahiran dan gaya komunikasi guru dalam PdP seiring dengan keperluan semasa dan perubahan-perubahan yang berlaku dalam dunia pendidikan.

Terdapat sepuluh elemen KBL yang berkaitan dengan PdP (Richmond & McCroskey (2000) dan Floyd (2009), iaitu:

**1. Penampilan fizikal** iaitu fizikal luaran seseorang seperti bentuk badan, pakaian, rambut, aksesori, artifak atau objek yang dipakai. Penampilan adalah salah satu daya penarik dan merupakan antara perkara pertama yang dipandang dan dinilai. Penilaian ini pula akan mempengaruhi minat dan bentuk komunikasi mereka dengan kita. Selain itu, penampilan seperti pakaian dan aksesori ini juga memberi banyak mesej lain seperti umur, bangsa, taraf hidup, pendidikan dan keperibadian. Dalam PdP, guru perlu menunjukkan penampilan fizikal yang tampak hebat dan bergaya dan menjadi daya penarik. Guru disaran supaya menitik beratkan soal penampilan fizikal seperti pemilihan pakaian, warna, fesyen rambut dan lain-lain faktor yang mempengaruhi rupa luaran kerana penampilan guru boleh merubah reaksi fisiologikal, pandangan dan tafsiran pelajar kepadanya. Berpakaian kemas dapat menyerlahkan kehebatan diri guru sebagai seorang pendidik dan secara tidak langsung juga boleh mempengaruhi sikap dan sahsiah pelajar. Selain itu, penampilan imej guru yang menarik menjadikan guru tampak seorang yang berkarismatik. Seseorang guru memerlukan karisma ini untuk mempengaruhi pelajar kerana guru berautoriti dan karismatik dapat merangsang dan memberi inspirasi kepada pelajar. Malah, dengan kuasa karisma, guru akan mudah mengubah tingkah laku pelajar dan menjayakan matlamat pendidikan iaitu mengubah tingkah laku pelajar.

**2. Kinesik** adalah tingkah laku anggota tubuh badan manusia seperti cara berjalan, berdiri, duduk atau mana-mana gerakan anggota badan yang mengiringi percakapan, termasuk pergerakan kepala, tubuh, lengan dan kaki, meliputi isyarat tangan, gerakan kepala, mata, ekspresi muka, postur tubuh, gerakan bahu, lengan, kaki, tangan dan jari yang dilakukan secara sengaja atau tanpa disedari. Semasa PdP, pergerakan badan guru penting kerana perbuatan ini menjadi perhatian murid. Guru perlu mengawal pergerakan badan mereka supaya pengajarannya dinamik dan beranimasi. Pergerakan tangan pula amat berkesan untuk menunjukkan bentuk dan arah sesuatu. Komunikasi melalui gerakan tangan adalah lebih terserlah kerana dapat dilakukan dengan berbagai gerakan berbanding gerakan anggota badan lain seperti kepala dan kaki yang kurang ekspresif. Tindakan ini memungkinkan pengajaran guru berlangsung dalam keadaan yang penuh minat dan menyeronokkan untuk tempoh yang lama.

**3. Kronemik** adalah penggunaan dan pengurusan masa seperti menghargai, mengguna, mengkaji, menyusun, mentafsir dan bertindak dalam menguruskan masa. Dalam konteks pengajaran, seseorang guru mesti peka dan bijak dalam pengurusan masa kerana ia merupakan salah satu indikator guru yang berkesan. Sikap dan keperibadian seseorang guru boleh dinilai berdasarkan cara penggunaan waktu dan ketepatan mereka mematuhi waktu malah mempengaruhi cara mereka bertindak. Selain masuk dan keluar kelas tepat pada waktunya, seorang guru yang berkesan akan menggunakan sepenuh masanya untuk mengajar dan ruang pelajar menghabiskan tugas dan latihan yang diberikan.

4. **Haptik** merupakan elemen berbentuk sentuhan seperti jenis, kekerapan, kegunaan dan kesan sentuhan. Sentuhan ini berbagai jenis antaranya menepuk, menampar, menumbuk, mencubit, mengusap, berjabat, mencium, menjilat, memegang, membimbing, memeluk, menghubungkan, meletakkan, menendang, dandanan dan menggeletak. Kesemua jenis sentuhan ini memberikan mesej tentang tujuan sentuhan sama ada berupa sentuhan positif ataupun negatif seperti sentuhan kemesraan, cinta dan seksual. Dalam PdP, haptik penting untuk menjalinkan hubungan baik guru dan pelajar dalam konteks pengajaran dan dapat memberikan galakan serta motivasi kepada murid untuk menjawab soalan.

5. **Ekspresi wajah** merupakan salah satu cara manusia menyampaikan mesej emosi atau perasaan. Mesej ekspresi wajah dinilai berdasarkan hasil kombinasi unsur yang ada pada wajah iaitu pandangan mata, kedutan dahi, muka dan hidung serta warna yang lahir daripada muka semasa berinteraksi. Muka berperanan penting dalam interaksi sosial yang sebenar. Ekspresi wajah adalah jendela hati dan cerminan emosi manusia. Ini kerana ekspresi wajah menggambarkan segala perasaan, emosi dan fikiran mereka. Dalam pengajaran, guru yang berkesan akan memanfaatkan ekspresi wajahnya untuk mengukuhkan penyampaiannya seperti senyum untuk menunjukkan suka, tenung untuk menunjukkan perhatian dan mencebik untuk menunjukkan tidak setuju. Guru sewajarnya mempraktikkan senyuman yang sesuai bagi meredakan ketegangan emosi, sentiasa bermuka manis dan mesra dengan pelajar. Guru yang mesra akan disukai pelajar, menggalakkan penyertaan murid, menggalakkan motivasi dua hala semasa proses PdP dan mewujudkan suasana tenang dan kondusif.

6. **Okulesik** adalah tingkah laku mata semasa berkomunikasi dan merupakan salah satu bentuk komunikasi interpersonal yang diguna pakai secara universal. Mata menyampaikan banyak mesej komunikasi dan menjadi jendela jiwa yang mempamerkan mesej tentang perasaan dan emosi yang kompleks. Pandangan mata mempunyai beberapa fungsi antaranya memberi perhatian, menunjukkan minat, menunjukkan tanda hormat, menggalakkan perundingan, menggalakkan luahan perasaan jujur, menimbulkan rasa penerimaan, menimbulkan rasa saling mempercayai, menimbulkan rasa keselesaan dan menimbulkan rasa kesungguhan. Dalam kerjaya guru, tempoh masa pertembungan mata guru semasa berkomunikasi dengan pelajar hendaklah dititikberatkan bagi menggambarkan komitmen guru. Guru juga mesti mewujudkan pertembungan mata untuk mendapatkan penghormatan dan kepercayaan pelajar. Selain itu, kontak mata juga membantu guru menilai komitmen pelajar. Guru mesti sentiasa peka memerhati arah pandangan pelajar dan berusaha mengekalkan tumpuan mata mereka. Hal ini penting kerana guru yang hebat bukanlah guru yang hanya memiliki pengetahuan semata-mata tetapi ia mesti mampu berkomunikasi dengan baik bagi mewujudkan suasana pengajaran yang menarik, menghibur, menyeronokkan dan merangsang pembelajaran.

7. **Proksemik** adalah jarak sempadan atau jarak kedudukan seseorang dengan seseorang yang lain dalam sesuatu komunikasi bersemuka. Jarak kedudukan memberikan mesej tentang tahap keakraban, penghargaan dan perasaan seseorang sama ada suka atau tidak suka serta perhatian kita terhadap orang lain. Prosemik juga dipengaruhi oleh faktor-faktor peribadi, situasi, status, keupayaan diri, sejauh mana kita mengenalinya, agama, jantina, umur, budaya, latar belakang kaum, personaliti, stigma, keadaan psikiatri serta taraf pendidikan seseorang. Dalam PdP, guru yang berkesan akan cuba menghampiri dan berdiri di samping murid. Guru yang mudah dihampiri dan menghampiri murid lebih disukai pelajar dan dianggap sebagai guru yang mesra. Guru tidak sewajarnya menjauhkan diri daripada pelajar dengan berdiri statik atau berada di belakang meja guru. Namun, dari aspek ruang peribadi antara pelajar lelaki dan pelajar perempuan, guru perlu memahami situasi semasa menghampiri pelajar-pelajar lelaki atau perempuan.

**8. Paralinguistik** merujuk kepada bagaimana sesuatu perkataan itu diungkapkan dan bukannya apa yang diucapkan, iaitu aspek suara seperti kecepatan, nada keras atau lemahnya suara, penekanan, intonasi, kualiti suara dan juga penggunaan suara-suara pengisi seperti “mm”, “e”, “o”, “um”. Mesej paralinguistik tergolong dalam KBL kerana ia meneliti bagaimana cara mesej lisan itu diujarkan dan bukannya apa yang diujarkan. Secara paralinguistik, ayat atau kata-kata yang sama akan memberi makna atau mesej berbeza bila diucapkan dengan cara dan nada berbeza. Selain itu, senyapan atau hentian seketika termasuk dalam bidang paralinguistik. Henti seketika daripada berkata-kata dalam sesuatu ucapan dan senyapan yang berperanan untuk menekankan sesuatu perkara yang penting supaya ia lebih diingati. Paralinguistik membantu untuk memahami maksud sebenar ucapan lisan. Intonasi dan variasi suara adalah unsur paralinguistik yang berkesan. Dalam percakapan, intonasi yang sesuai penting untuk menarik perhatian, menekankan isi-isi penting memberikan kesan mendalam, memperkukuhkan mesej, memberi kesan melodramatik, mempengaruhi jumlah maklumat yang didengar dan diterima dan mengawal minat serta konsentrasi pendengar. Jika sesuatu perkara itu tidak menarik tetapi jika disampaikan dengan penuh perasaan dan karisma maka perkara itu akan berubah menjadi menarik dan begitulah sebaliknya jika sesuatu perkara itu menarik tetapi disampaikan dengan tidak bersemangat dan sambil lewa maka ia akan jadi tidak menarik juga.

Dalam pelaksanaan PdP, guru perlu bijak memvariasikan suara. Para pelajar tidak suka kepada guru yang bersuara rendah dan senada. Malah mereka akan menganggap guru tersebut sebagai membosankan, tidak prihatin dan kurang mesra. Guru juga perlu bijak memvariasikan nada suara semasa memberikan mesej tertentu. Nada suara guru yang kukuh dan bertenaga dapat membangkitkan semangat pelajar terhadap apa yang disampaikan oleh guru, manakala kata-kata yang berupa satu nada teragak-agak, tersekat-sekat atau rendah mungkin akan menjadikan mesej yang disampaikan oleh guru menjadi hambar seterusnya menyebabkan pelajar kurang berminat.

**9. Artifaktual** merujuk kepada persekitaran fizikal seperti susun atur perabot, reka bentuk, warna, pencahayaan, suhu dan pemandangan. Artifaktual selain memberikan mesej secara nonverbal ia juga boleh menggalakkan atau mengendurkan komunikasi dalam pengurusan bilik darjah, guru perlu prihatin kepada fizikal kelas kerana persekitaran kelas memberi kesan kepada diri dan emosi pelajar, mempengaruhi proses PdP serta persediaan mental dan psikologi pelajar. Justeru, setiap kelas wajar disusun mengikut selera yang dapat memberangsangkan pembelajaran kerana persekitaran kelas yang teruk akan menimbulkan rasa kebosanan, keletihan, sakit kepala, cepat marah dan permusuhan dalam kalangan pelajar. Bagi persekitaran kelas yang bersih pula akan membuatkan pelajar rasa selesa, seronok, senang dan rajin melakukan tugas. Oleh itu, guru perlu peka dengan suasana kelas dan jika perlu pengubahsuaiannya perlu dibuat.

**10. Olfatik** merujuk kepada bau, mesej dan tindak balas seseorang terhadap bau-bauan. Bauan adalah halimunan tetapi mempunyai kuasa yang hebat dalam komunikasi. Bauan boleh membangkitkan tindak balas emosi dan fizikal seseorang. Dalam kerjaya guru, olfatik penting kerana deria bau secara tidak disedari akan menghantar isyarat bauan yang mungkin dapat diterima oleh pelajar atau sebaliknya. Guru disaran supaya mengambil berat tentang bau badan dan bauan yang dipakai.

Berdasarkan elemen KBL yang dinyatakan di atas, *E-Novel* hanya merangkumi elemen penampilan fizikal, kinesik, ekspresi wajah, okulesik dan paralinguistik memandangkan elemen-elemen ini sesuai dilaksanakan secara dalam talian. Sekiranya guru dapat mengaplikasikan *E-Novel*, usaha ini akan membantu guru untuk meningkatkan kompetensi dalam PdP di samping menarik minat pelajar untuk terus mengekalkan keberadaan mereka dalam proses pembelajaran.

## Aplikasi *E-Novels* dalam Pengajaran Bahasa Arab

Terdapat pelbagai medium yang boleh digunakan oleh guru dalam menyampaikan pelajaran kepada pelajar supaya proses PdP secara dalam talian berjalan lancar. Rakaman video merupakan salah satu medium yang sering diaplikasikan oleh guru kerana ia boleh digunakan untuk merakam pelajaran mengikut kesesuaian masa guru dan kemudiannya dimuat turun dalam Youtube atau Google Classroom sebagai bahan rujukan pelajar. Aplikasi rakaman video untuk PdP boleh dilakukan sama ada guru yang merakam suaranya sendiri ataupun guru hanya memilih sahaja daripada mana-mana rakaman video yang disediakan dalam bentuk kompilasi bagi tajuk mata pelajaran yang diajar. Apabila guru mengaplikasikan rakaman video sebagai pengganti diri guru dalam menyampaikan pelajaran secara langsung kepada pelajar, perkara utama yang guru perlu mengenal pasti adalah elemen komunikasi yang terdapat dalam rakaman video tersebut supaya memberi kesan positif terhadap pembelajaran pelajar. Hal ini kerana amalan komunikasi yang berkesan dapat membantu guru mencapai objektif yang disasarkan (Hairun Najwah & Hanis Najwa, 2019).

Dalam pengajaran Bahasa Arab, *E-Novels* mempunyai kesan dan pengaruh yang besar terhadap pembelajaran Bahasa Arab. Menurut Nordin Halias, Zawawi Ismail dan Harun Baharudin (2017), guru Bahasa Arab wajar mempunyai kemahiran KBL yang berkesan semasa melaksanakan tugas pengajaran bagi memudahkan pelajar memahami dan menguasai bahasa tersebut. Mohamad Ziyad Mukhtar dan Saini Ag.Damit (2015) pula menyatakan amalan KBL dalam pengajaran Bahasa Arab bertepatan dengan fitrah pembelajaran bahasa iaitu mewujudkan interaksi yang berkesan antara guru dan pelajar, senario pembelajaran Bahasa Arab yang sebenar, menghasilkan pembelajaran yang menyeronokkan dan menyediakan pengalaman pembelajaran yang akan diingati oleh pelajar sepanjang hayat.

Walaupun hari ini PdP Bahasa Arab dijalankan secara dalam talian dan terdapat sesetengah guru yang hanya merakamkan pengajaran sebagai salah satu cara untuk menyampaikan isi pelajaran kepada pelajar, guru perlu ingat bahawa penerangan guru mesti mempunyai *E-Novels*. Sekiranya KBL dikira sebagai komponen yang penting dalam pengajaran secara bersemuka, begitu juga pelaksanaannya secara dalam talian. Sebagai contoh, intonasi dan tekanan suara penting dalam pengajaran kemahiran mendengar dan bertutur bahasa Arab kerana jika guru mengungkapkan kata-kata tanpa intonasi yang sesuai akan menyebabkan perkataan yang digunakan akan disalah ertikan oleh pendengar. Oleh itu, guru Bahasa Arab yang baik mesti menguasai kemahiran memvariasikan intonasi suara supaya pengajarannya kepada pelajar dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Untuk mengaplikasikan *E-Novels* dalam pengajaran Bahasa Arab, perkara yang perlu diambil kira ialah guru haruslah menguasai KBL dengan baik terlebih dahulu dan mengetahui strategi pengajaran supaya *E-Novels* dapat memainkan peranannya untuk menarik minat dan membolehkan pelajar menerima pelajaran sehingga mereka mempunyai niat meneruskan pembelajaran hingga berakhir sesi PdP. Secara tidak langsung aplikasi *E-Novels* memberi impak yang positif kepada para pelajar, iaitu pelajar mampu berkomunikasi dalam bahasa Arab dengan rakan-rakan, guru mahupun pensyarah, mempunyai sikap kolaboratif, lebih kreatif dan kritis dalam menjalankan E-pembelajaran. Pengetahuan dan kemahiran ini merupakan suatu amalan dan sebagai bekalan yang boleh dibawa apabila pelajar menyambung pengajian yang lebih tinggi atau memasuki alam kerjaya pada masa depan. Selain itu, matlamat pelaksanaan mata pelajaran Bahasa Arab yang mahu melihat kebolehan pelajar berkomunikasi menggunakan bahasa Arab (Kementerian Pendidikan Malaysia, 1997) dapat dicapai.

## Penutup

Pengajaran bahasa Arab secara dalam talian melalui aplikasi teknologi dan pengetahuan tentang *E-Novel* berpotensi untuk meningkatkan kesediaan, minat dan kemampuan pelajar menguasai hasil pembelajaran dengan baik. Guru perlu mempunyai pengetahuan dan kemahiran KBL yang efektif memandangkan *E-Novel* memberi impak yang tinggi terhadap keberkesanan pengajaran Bahasa Arab. Usaha dan komitmen guru terhadap aplikasi *E-Novel* bukan sahaja membantu guru untuk meningkatkan kompetensi dalam pengajaran Bahasa Arab malah menarik minat pelajar untuk menguasai hasil pembelajaran bahasa tersebut.

## Rujukan

- Hairun Najuwah Jamali & Hanis Najwa Shahrudin. (2019). Analisis Persepsi Pelajar Melayu Terhadap Amalan Komunikasi Bukan Lisan dalam Kelas Pembelajaran Bahasa Kedua. *Jurnal Melayu*. Bil. 18 (2) 2019. ISSN 1675-7513
- Kementerian Pelajaran Malaysia. (1997). *Akta Pendidikan*. Kuala Lumpur: MDC Publication.
- Kementerian Pendidikan Malaysia. (2020). Manual Pengajaran Dan Pembelajaran Di Rumah. <https://www.moe.gov.my/muat-turun/lain-lain/manual-pdp-di-rumah/3727-manual-pdpr/file>
- Mahnun, N. (2012). Kajian terhadap Langkah-langkah Pemilihan Media dan Implementasinya dalam Pembelajaran *Jurnal Pemikiran Islam*; Vol. 37, No. 1 Januari-Juni 2012.
- McCroskey, J. C., & Richmond, V. P. (2000). *Nonverbal Behavior In Interpersonal Relations* (4th ed.) BOSTON: Allyn & Bacon.
- Mohd Rohiman Subri, Rohizani Yaakub & Azlinda Boheran Nudin. (2020). Analisis Komunikasi Bukan Lisan Guru Cemerlang Bahasa Melayu ketika Melaksanakan Pengajaran dan Pembelajaran KOMSAS. *Jurnal Dunia Pendidikan*. E-ISSN: 2682-826X / Vol. 2, No. 3, 267-277, 2020. <http://myjms.mohe.gov.my/index.php/jdpr>
- Mohd Sahandri Gani Hamzah , Ramli Basri & Shafie Mohd Daud. (2010). Karakter Guru Ilmu Dianggap Guru Disanjung. Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd.
- Muhamad Ziyad Mukhtar dan Saini Ag. Damit. (2015). Amalan Penggunaan Lughat Al-Fasl Dalam Kalangan Guru Pelatih J-QAF. Prosiding Persidangan Kebangsaan Bahasa Arab (NCAL2015). IPG Pendidikan Islam: Bangi
- New Straits Times Online (2020, March 16) Covid-19: Movement Control Order imposed with only essential sectors operating, Retrieved December 13, 2020, from <https://www.nst.com.my/news/nation/2020/03/575177/covid-19-movement-control-order-imposed-only-essential-sectors-operating>.
- Nor Azhan Norul Azmi & Noor Shamshinar binti Zakaria. (2018). Pembudayaan Kemahiran Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab di Atas Talian Mendepani Era Revolusi Industri 4.0. *International Conference on Pedagogy and Inclusive Education (ICPIE 2019)*. 18-19 Sept. 2019. Institut Pendidikan Guru Kampus Ilmu Khas, Kuala Lumpur. ISBN: 978-967-5580-16-1.
- Nor Hamiza Mohd Ghani, Mohd Khairi Ismail & Sholehah Abdullah. (2021). Penggunaan Aplikasi Teknologi dalam Pengajaran dan Pembelajaran (PdP) Secara Kolaboratif di kalangan Pelajar Universiti Sepanjang Tempoh Perintah Kawalan Pengerakan (PKP). Page 708-719. *Terengganu International Business and Economics Conference 2021 (TiBEC VII)*. eISSN 2600-9145.
- Nordin Halias, Zawawi Ismail & Harun Baharudin. (2017). Komunikasi Bukan Lisan dalam Pengajaran Bahasa Arab. UKM, Bangi Selangor
- Nordin Halias. (2016). Komunikasi Nonverbal dalam Pengajaran Bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama. Tesis PhD. Fakulti Pendidikan. UM



- Thulasimani Munohsamy. (2014). Integrasi Teknologi Maklumat dan Komunikasi dalam Pendidikan. [https://www.researchgate.net/publication/279197893\\_Integrasi\\_Teknologi\\_Maklumat\\_dan\\_Komunikasi\\_dalam\\_Pendidikan](https://www.researchgate.net/publication/279197893_Integrasi_Teknologi_Maklumat_dan_Komunikasi_dalam_Pendidikan) [accessed Aug 20 2021].
- Wiflihani. (2021). Penggunaan Media Audiovisual dalam Pengajaran Musik. *Gondang: Jurnal Seni dan Budaya*, 5 (1) (2021): 119-126. DOI: <https://doi.org/10.24114/gondang.v5i1.24421>